



**JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**  
(*Department of Agriculture Malaysia*)  
WISMA TANI  
ARAS 17, NO. 30 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA



Tel : 603-8870 3133/ 3038  
Faks : 603-8870 3044  
Portal : [www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my)  
E-mel : [pro@doa.gov.my](mailto:pro@doa.gov.my)

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PRA PELANCARAN LAMAN AGRO-FOOD FLORIKULTUR SEMPENA MAHA 2022

**Putrajaya, 18 Julai 2022** – Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) telah menganjurkan Majlis Pra Pelancaran Laman Agro-Food Florikultur sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022. Laman Agro-Food Florikultur ini berkonsepkan *Miracle Garden* yang menonjolkan keindahan landskap pelbagai jenis kombinasi bunga-bunga yang unik bersama tanaman *edible* menyegarkan dengan aspek pertanian pintar untuk dinikmati oleh para pengunjung.

Menurut Ketua Pengarah Pertanian, Dato' Zahimi bin Hassan, elemen etnobotani, bunga produktif dan estetik serta tanaman *edible* diterapkan melalui lapan (8) konsep taman bagi menceriaikan Laman Agro-Food Florikultur iaitu *Rainbow Garden*, *Vertical Garden*, *Sunflower Garden*, *Tropical Garden*, *Petunia Garden*, *Orchid Garden*, *Urban Garden* dan *Teratai Garden*. "Jabatan Pertanian juga menyediakan reruai jualan pelbagai benih tanaman dan anak pokok, pameran bunga premium dan terrarium, kuiz dan permainan, demonstrasi hasil bunga dan hiburan santai untuk para pengunjung. Laman ini juga mendapat kerjasama dan kolaborasi empat (4) rakan padanan bagi pengisian aktiviti dan program iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Perbadanan Putrajaya dan POS Malaysia Berhad yang mengeluarkan setem edisi terhad berlogo MAHA 2022," jelas beliau lagi.

Selain itu, DOA juga mengetengahkan Program Pertanian Komuniti (Kebuniti) yang bertujuan untuk menggalakkan penduduk bandar dan luar bandar bercucuk tanam dengan tanaman sayur-sayuran kegunaan harian seperti cili, kunyit, halia, kubis, sawi, bayam dan salad. Inisiatif Jabatan Pertanian melalui program ini mampu menjimatkan perbelanjaan dapur dan sekaligus mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Sebagai simbolik Majlis Pra Pelancaran Laman Agro-Food Florikultur, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh telah menyampaikan kit pertanian bandar kepada sepuluh (10) orang penerima yang mewakili komuniti penduduk Putrajaya.

Turut hadir sama pada majlis hari ini, YBhg. Dato' Elias bin Saad, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri & Pengembangan) dan Puan Nor Sam binti Alwi, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan & Regulatori).

Datanglah beramai-ramai memeriahkan MAHA 2022 yang akan berlangsung pada 4 hingga 14 Ogos 2022 di MAEPS Serdang dan kunjungilah *Miracle Garden* di Laman Agro-Food Florikultur.

###

**Disediakan oleh;  
Jabatan Pertanian Malaysia  
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)**